

2026 FWD INSURANCE BERHAD QASEH SETIA PLAN 150 SUBSIDY CAMPAIGN**TERMS AND CONDITIONS**

1. '2026 FWD Insurance Berhad Qaseh Setia Plan 150 Subsidy Campaign' (the Campaign') is organized by FWD Insurance Berhad ('FWDIB'), running from 1st January 2026, 12:00am to 31st December 2026, 11.59pm (Campaign Period').
2. **Eligibility**
 - a. Customers who are Malaysians between the age of 18 to 55 (age next birthday) and is eligible to purchase "Qaseh Setia Plan 150".
 - b. New certificates must be signed up for & issued within the campaign period.
3. **Campaign Mechanics and Criteria**
 - a. Customers must purchase "Qaseh Setia Plan 150" in BSN branches either through over-the-counter or scanning the designated QR code.
 - b. Customers must apply the promo code "FWDSUB50" during the purchase to receive a RM50 subsidy on the Qaseh Setia Plan 150.
 - c. The "FWDSUB50" promo code is valid exclusively for the "Qaseh Setia Plan 150" and cannot be used for other plans or FWDIB products.
 - d. Each eligible customer may redeem the FWDSUB50 promo code only once.
 - e. This promo code cannot be combined with any other promotional code, offer, or discount.
 - f. Customers who cancel their "Qaseh Setia Plan 150" within the 15-day free look period will be refunded only the amount paid at the time of purchase. Once cancelled, the FWDSUB50 promo code cannot be redeemed again by the same customer.
4. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension of the Campaign shall not entitle you to any claim against FWDIB for any or all losses or damages suffered or incurred as a direct or indirect result of the same.
5. FWDIB shall not be liable for any claim by you for any loss or damage suffered or incurred arising directly or indirectly from your participation in the Campaign.
6. FWDIB's decision on all matters concerning the Campaign shall be final, binding, and conclusive. No correspondence and/or appeal shall be entertained.
7. FWDIB reserves the right to make amendments to the existing rules and regulations, as and when deemed necessary.

8. These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and you agree to submit to the exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia.

Individual Consent on Personal Data and Privacy

1. By submitting your contact details, you acknowledge and give consent to your data being processed for the purposes of this Campaign.
2. You acknowledge that FWDIB shall collect and use your personal data to give you more information related to marketing promotions or future marketing promotions which we carry out. You may opt out of information related to marketing promotions or future marketing promotions which we carry out by replying to our e-mail.
3. You acknowledge that your personal data shall be held by us and shall be kept confidential and shall not be shared with a third party.
4. For more information on our Privacy Policy, kindly visit <https://www.fwd.com.my/privacy-statement-insurance/>

Miscellaneous

1. By participating in this Campaign, you are deemed to have read, understood and agreed to the Terms and Conditions stipulated herein and will abide by all decisions made by FWDIB.
2. FWDIB has the absolute discretion to add, and/or amend these Terms and Conditions, including the right to suspend, terminate or modify this Campaign at any time without prior notice to you.
3. For the avoidance of doubt, the suspension or termination of the Campaign shall not entitle the participant(s) if any, to claim for compensation against FWDIB for any losses or damage suffered or incurred by the participant(s) as a direct or indirect result of the same.
4. If you have any queries on the Campaign, please call FWDIB's Customer Careline at 1-300-22- 6262.
5. If there is a conflict between the English and Bahasa Malaysia versions of these Campaign Terms & Conditions, the English version will prevail.

2026 KEMPEN SUBSIDI QASEH SETIA PELAN 150 FWD INSURANCE BERHAD

TERMA DAN SYARAT

1. 'Kempen Subsidi Qaseh Setia Pelan 150' ("Kempen") dianjurkan oleh FWD Insurance Berhad ('FWDIB'), berlangsung dari 1 Januari 2026, 12:00 tengah malam hingga 31 Disember 2026, 11:59 malam ('Tempoh Kempen').
2. Kelayakan
 - a. Pelanggan yang merupakan warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 55 tahun (berdasarkan hari jadi berikutnya) dan layak untuk membeli "Pelan Qaseh Setia 150".
 - b. Sijil baharu mesti didaftarkan dan dikeluarkan dalam Tempoh Kempen.
3. Mekanisme dan Kriteria Kempen
 - a. Pelanggan mesti membeli "Pelan Qaseh Setia 150" di cawangan BSN sama ada melalui kaunter atau dengan mengimbas kod QR yang disediakan.
 - b. Pelanggan mesti menggunakan kod promo "FWDSUB50" semasa pembelian untuk menerima subsidi sebanyak RM50 bagi Pelan Qaseh Setia 150.
 - c. Kod promo "FWDSUB50" hanya sah untuk "Pelan Qaseh Setia 150" dan tidak boleh digunakan untuk pelan atau produk FWDIB yang lain.
 - d. Setiap pelanggan yang layak hanya boleh menebus kod promo FWDSUB50 sekali sahaja.
 - e. Kod promo ini tidak boleh digabungkan dengan sebarang kod promosi, tawaran, atau diskaun lain.
 - f. Pelanggan yang membatalkan "Pelan Qaseh Setia 150" dalam tempoh pengamatan percuma dalam masa 15 hari hanya akan menerima bayaran balik berdasarkan jumlah amaun yang dibayar semasa pembelian. Setelah dibatalkan, kod promo FWDSUB50 tidak boleh ditebus semula oleh pelanggan yang sama.
4. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen tidak akan melayakkan anda kepada sebarang tuntutan terhadap FWDIB untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung sebagai akibat langsung atau tidak langsung.
5. Pihak FWDIB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang ditanggung secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan anda dalam Kempen.
6. Keputusan FWDIB mengenai semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Surat-menyurat dan/atau rayuan tidak akan dilayan.

7. Pihak FWDIB berhak untuk membuat sebarang pindaan kepada peraturan dan pengawalan sedia ada, apabila perlu.
8. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Persetujuan Individu terhadap Data Peribadi dan Privasi

1. Dengan menyerahkan butiran perhubungan anda, anda mengakui dan bersetuju untuk membenarkan data peribadi anda untuk diproses bagi tujuan kempen ini.
2. Anda mengakui dan bersetuju bahawa FWDIB akan mengumpul dan menggunakan data peribadi anda untuk memberikan lebih banyak maklumat berkaitan promosi pemasaran atau promosi pemasaran masa hadapan yang kami anjurkan. Anda boleh menarik diri daripada maklumat yang berkaitan dengan promosi pemasaran atau promosi pemasaran masa hadapan yang kami anjurkan dengan membalas e-mel kami.
3. Anda mengakui bahawa data peribadi anda akan disimpan oleh kami secara sulit dan tidak akan dikongsi dengan pihak ketiga.
4. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang Polisi Privasi kami, sila layari <https://www.fwd.com.my/privacy-statement-insurance/>

Terma & Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, anda dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang ditetapkan dan akan mematuhi semua keputusan yang dibuat oleh pihak FWDIB.
2. Pihak FWDIB mempunyai budi bicaranya untuk menambah dan meminda Terma dan Syarat ini, termasuk hak untuk menggantung, menamatkan atau mengubah suai Kempen ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu kepada pelanggan.
3. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, penggantungan atau penamatan Kempen tidak akan memberi hak kepada peserta untuk menuntut pampasan terhadap FWDIB bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh peserta secara langsung atau tidak langsung.
4. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Kempen, sila hubungi Talian Khidmat Pelanggan FWDIB di 1-300-22- 6262.
5. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi Terma & Syarat Kempen ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.